

## **Impak Media Sosial Terhadap Persahabatan**

### *The Impact Of Social Media On Friendships*

Siti Aisyah Norazman

<sup>1</sup>Ahmad Fakhurrrazi Mohammed Zabidi

Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi

Correspondence: izzar@ukm.edu.my

#### **ABSTRAK**

*Fitrah manusia dalam kehidupan perlukan sahabat. Persahabatan merupakan hubungan atau ikatan kasih sayang yang terlahir di antara dua orang individu atau lebih atas pelbagai faktor. Dengan kepesatan teknologi, persahabatan bukan sahaja terjalin di dunia nyata secara fizikal malah hubungan persahabatan juga terjalin di alam maya melalui media sosial. Persahabatan secara maya mendatangkan pelbagai impak positif dan negatif. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji berkenaan impak media sosial terhadap persahabatan. Bagi mencapai objektif kajian ini, metode kualitatif iaitu metod penyelidikan perpustakaan dan analisa data telah digunakan. Kajian ini mendapati terdapat banyak impak negatif berbanding impak positif berkenaan penggunaan media sosial terhadap hubungan persahabatan. Antara impak positifnya ialah kesalingterhubungan, mengatasi masalah kesunyian, mengelakkan tekanan perasaan dan mengeratkan hubungan silaturrahim. Manakala impak negatifnya pula seperti menimbulkan rasa tidak puas hati, berada dalam keadaan bahaya, berpotensi kehilangan kawan yang sebenar, sukar untuk mempercayai seseorang, harapan palsu dan niat yang boleh diragui.*

**Kata kunci:** persahabatan, media sosial, alam maya, impak positif, impak negatif

#### **ABSTRACT**

*Human nature in life needs friends. Friendship is a relationship or bond of love that is born between two or more individuals over a variety of factors. With the speed of technology, friendships are not only forged in the real world physically but also for friendships in the virtual world through social media. Virtual friendships have a variety of positive and negative impacts. This article aims to examine the impact of social media on friendships. To achieve the objectives of this study, qualitative methods namely library research methods and data analysis were used. This study found that there are many negative impacts compared to the positive impacts of the use of social media on friendships. Among the positive impacts are interconnectedness, overcoming the problem of loneliness, avoid emotional stress and strengthening relationships. While the negative impact is such as causing dissatisfaction, being in danger, potentially losing a real friend, difficult to trust someone, false hope and intentions that can be doubted.*

**Keywords:** friendship, social media, cyberspace, positive impact, negative impact

## 1. Pengenalan

Kepesatan teknologi telah membuka ruang hubungan persahabatan berlaku di alam maya. Rentetan daripada itu, timbul perkara-perkara yang tidak sewajarnya yang boleh mengganggu hubungan persahabatan. Umumnya, perkara-perkara sebegini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor antaranya ialah ketiadaan adab dalam bersahabat. Azmin Yusof & Muhammad Ismail (2017) menyatakan antara adab bersahabat ialah tidak mencela dan mengata sahabat, tidak menyakiti sahabat, tidak membebankan sahabat dan sebagainya. Selain itu, masalah ini berlaku disebabkan oleh interaksi negatif di media sosial yang mempengaruhi keperibadian dan tindak tanduk seseorang. Hal ini sekaligus boleh menyebabkan seseorang itu melakukan jenayah bunuh tanpa memikirkan baik buruk tindakan tersebut (Azizan Bahari, 1998).

Perbincangan mengenai impak penggunaan media sosial terhadap hubungan persahabatan pada masa kini adalah amat relevan. Ini kerana, kecanggihan teknologi yang menyebabkan wujudnya media sosial, yang mengundang kesannya dari sudut positif dan negatif terhadap hubungan persahabatan yang terjalin. Tanpa menafikan manfaat daripada media sosial di alam maya, pada masa yang sama pengaruh dan impak negatif yang terhasil tetap perlu untuk ditangani dengan sewajarnya.

## 2. Tinjauan Literatur

Sorotan yang dijalankan mendapati terdapat kajian berkenaan dengan adab dan persahabatan. Antaranya ialah, kajian mengenai *Adab Unggul Islam Dalam Persahabatan Antara Insan* oleh Azmin Yusof dan Muhammad Ismail (2017). Beliau menerangkan secara ringkas mengenai definisi sahabat dari segi istilah dan bahasa iaitu sahabat dari segi bahasa ialah pendamping atau teman, manakala dari segi istilah sahabat ialah mereka yang tidak bercakap bohong dengan saudaranya. Selain itu, sahabat juga ialah mereka yang selalu bergaul, bersama dan berdampingan dengan seseorang serta menjaga menjaga dan memelihara hubungan persahabatan tersebut. Perhubungan ini terjalin melalui pergaulan, pertolongan, dokongan dan kebersamaan dalam aktiviti kehidupan sama ada sewaktu bekerja, belajar, berorganisasi atau sebagainya.

Menerusi kajian Siti Ezaleila Mustafa (2016) mengenai *Penggunaan Laman Sosial dan Impaknya Terhadap Hubungan Persahabatan Dalam Talian*. Menurutnya persahabatan dalam talian bermaksud ikatan yang dijaga dalam suatu kumpulan manusia yang lebih besar. Media sosial digunakan untuk mengekalkan hubungan sedia ada dan mencipta persahabatan baru dalam talian. Kebanyakan pengguna dalam kalangan remaja memperuntukkan sejumlah masa harian mereka di laman sosial bagi tujuan persahabatan. Seterusnya persahabatan dalam talian menjadikan teknologi sebagai perantara dalam interaksi mereka sehingga menyebabkan kehidupan dalam talian dan luar talian mereka adalah hampir sama. Laman sosial boleh meningkatkan kebolehpercayaan kerana media ini membolehkan orang ramai menyedari kawan dan kenalan mereka dengan melihat presentasi diri mereka di profil. Kajian semasa menunjukkan hubungan atau ikatan yang kuat dan lemah dapat dikekalkan di laman jaringan sosial.

Shaikh Mohd Saifuddeen (2015) pula menyatakan dalam artikelnya '*Adab Di Media Sosial*', antara adab yang perlu diberi perhatian ketika menggunakan media sosial ialah menggunakan perkataan yang baik dengan merujuk kepada ayat 30 di dalam surah al-Hajj dan bersangka baik seperti yang dinyatakan dalam al-Quran pada surah al-Hujurat ayat 6, ayat 11 dan ayat 12.

Menurut Siti Ezaleila Mustafa (2016) dalam kajiannya *Penggunaan Laman Sosial dan Impaknya Terhadap Hubungan Persahabatan Dalam Talian*, antara kesan negatif penggunaan media sosial terhadap hubungan persahabatan adalah hampir 65% kes putus sahabat di dalam media sosial adalah disebabkan pergaduhan, salah faham, menggunakan bahasa yang tidak sopan, mempunyai pengaruh buruk dan gangguan seksual. Selain itu, berdasarkan tajuk kajian *Kewujudan Media Sosial Memberikan Implikasi Positif Dan Negatif Terhadap Interaksi Sosial Dalam Kalangan Masyarakat* oleh Classified ryanST (2020), antara kesan positif penggunaan media sosial terhadap hubungan persahabatan ialah mudah untuk membuat hubungan. Hal ini kerana, dengan penggunaan media sosial, mereka dapat menambah kenalan yang baru dari seluruh dunia di samping itu juga, hubungan yang telah lama terputus turut dapat diertatkan semula.

### **3. Metodologi Kajian**

Artikel ini menggunakan metode kualitatif dengan rekabentuk penyelidikan kepustakaan. Dokumen yang dikaji adalah yang berkaitan dengan persahabatan dan media sosial. Kebanyakan bahan diperolehi secara dalam talian memandangkan keadaan pandemik Covid-19 yang masih belum pulih. Data dianalisis secara deskriptif iaitu berkaitan dengan impak penggunaan media sosial terhadap hubungan persahabatan pada masa kini.

### **4. Dapatan Dan Perbincangan**

#### **4.1 Definisi**

##### *4.1.1 Persahabatan Dari Segi Istilah Dan Bahasa*

Menurut Azmin & Ismail (2017), kalimah ‘sahabat’ berasal dari kalimah arab. Ibn Manzur (1997) menyatakan dalam *Lisan al-Arab* ia berakar daripada kalimah *sahiba*, *sahibahu*, *yushibuhu*, *suhbatan* dengan membaca huruf sod berbaris hadapan dan *sahabatan* dengan huruf sod baris dua di atas, yang bererti dampingan atau teman. Sahabat juga disebut dengan kalimah *musahiban* yang bererti, sahabat atau pendampingnya. Disebut juga, kalimah *wastahaba rajulan watasahuba* iaitu bersahabat antara satu sama lain. Begitu juga, kalimah *wastahab al-qawm* iaitu bersahabat antara kaum (Azmin & Ismail, 2017). Sementara Noresah (2010) menyatakan dalam bahasa Melayu sahabat ditakrifkan sebagai kawan, teman atau taulan (Azmin & Ismail, 2017).

Menurut al-Zubaidi (2002) persahabatan ialah satu bentuk pergaulan, kebersamaan, pendampingan dan saling memberi komitmen antara satu sama lain, sama ada melalui fizikal atau jarak jauh. Persahabatan dalam Islam menitikberatkan aspek saling bertolongan dan semangat ukhuwah yang tinggi. Nilai dan komitmen dalam persahabatan lebih tinggi daripada pergaulan kerana persahabatan memerlukan tempoh pergaulan yang panjang. Maka setiap persahabatan boleh dikatakan pergaulan tetapi bukan setiap pergaulan itu boleh dikatakan persahabatan (Azmin & Ismail, 2017).

Ringkasnya, sahabat ialah pendamping atau teman yang benar dan jujur serta tidak bercakap bohong dengan saudaranya. Setiap percakapan selari dengan apa yang ada dalam hatinya. Selain itu, sahabat juga ialah mereka yang selalu bergaul, bersama dan berdampingan dengan seseorang serta menjaga dan memelihara hubungan persahabatan tersebut. Oleh itu, sahabat ialah seorang yang setia dan sentiasa bersama rakannya serta mengetahui aib (Mawar 2019).

#### 4.1.2 *Persahabatan Dalam Talian*

Siti Ezaleila (2016), menyatakan laman jaringan sosial boleh meluaskan dan mendefinisikan pengertian sahabat, tetapi pada masa yang sama memudahkan penjagaan ikatan dalam kumpulan manusia yang lebih besar ini. Bagi Christakis dan Fowler (2009), hubungan persahabatan dalam talian ini cenderung bersifat kumulatif dan sifat interaksinya dipengaruhi kuat oleh medium (Siti Ezaleila, 2016). Bagi Aristotle di dalam Elder (2014), persahabatan boleh dibahagikan berdasarkan kebergunaan, keseronokan antara satu sama lain dan menikmati nilai kebaikan pada diri masing-masing (Siti Ezaleila, 2016). Persahabatan dibentuk dan dikekalkan kerana ia diberikan kepada individu. Ia cenderung dibentuk oleh mereka yang berkongsi persamaan seperti umur, agama, pendidikan dan pekerjaan, malah bagi McPherson et al. (2001), sebahagian besar persahabatan dibentuk melalui struktur organisasi seperti sekolah, tempat kerja, dan lokasi geografi (Siti Ezaleila, 2016).

Kajian Frampton dan Child (2014) menunjukkan bahawa mereka yang menyukai interaksi dengan rakan sekerja secara bersemuka tidak mempunyai masalah melanjutkannya dalam media sosial (Siti Ezaleila, 2016). Donath (2007), mengatakan dengan cara ini sama seperti persahabatan dalam dunia sebenar apa-apa yang ingin diketahui tentang orang lain yang tidak boleh diketahui secara langsung, bergantung pada isyarat (signalling theory) seperti ekspresi muka, corak penggunaan, atau kenyataan yang dibuat pada profil mereka (Siti Ezaleila, 2016). Penyelidik dalam perlakuan sosial menunjukkan bahawa media sosial digunakan untuk mengekalkan hubungan sedia ada, membentuk hubungan romantik dan mencipta persahabatan baru dalam talian (Wang et al. 2010). Malah penyelidikan yang dilakukan Ridings dan Gefen (2004), Bigge (2006), dan Budiman (2008) menunjukkan bahawa kebanyakan pengguna menggunakan dan memperuntukkan sejumlah masa harian mereka di laman sosial bagi tujuan persahabatan, terutama dalam kalangan remaja (Siti Ezaleila, 2016). Teknologi ini dilihat membantu penggunaannya memelihara ikatan dan interaksi dalam kalangan mereka. Namun “sahabat” di sini agak berbeza dengan kumpulan manusia yang ada di sesebuah kawasan bergeografi.

Bagi Suler (2002), orang ramai cenderung memisahkan kehidupan dalam talian mereka dengan yang di luar talian (Siti Ezaleila, 2016). Namun, bagi Chayka (2015), perbezaan antara persahabatan dalam talian pada masa kini dilihat samar-samar kerana golongan muda menjadikan teknologi sebagai perantara dalam interaksi mereka sehingga menyebabkan kehidupan dalam talian dan luar talian mereka adalah hampir sama. Walaupun mereka sering berada dalam talian, kehidupan fizikal dan digital mereka bergabung dengan baik. Pengguna media sosial juga perlu membuat keputusan siapakah rakan dan kenalan mereka yang perlu disingkirkan di alam maya (Siti Ezaleila, 2016). Malah, Ahn et al. (2009) percaya bahawa jaringan sosial dalam talian ialah mimik atau peniruan dan evolusi kepada jaringan sosial manusia di luar talian atau secara bersemuka. Malah, ia menggambarkan hubungan sosial manusia dan persahabatan dalam kehidupan sebenar (Siti Ezaleila, 2016).

Namun, menurut Bateman (2008), Preece (2000), Rheingold (1993) tidak dinafikan juga kewujudan laman jaringan sosial ini mengubah konsep persahabatan, perkenalan peribadi, dan selebriti awam, di samping membawa kepada pembentukan komuniti dalam talian atau komuniti maya (Siti Ezaleila, 2016). Menurut Levin & Cross (2004), Donath (2007) Laman sosial boleh memberikan konteks sosial yang kaya kepada mereka yang dikenali secara superfisial dengan melihat siapakah yang dikenali mereka dan bagaimanakah mereka dilayani dan melayani orang

lain boleh memberikan tanda atau maklumat penting bagi memahami mereka. Ini menunjukkan bahawa laman sosial boleh meningkatkan kebolehpercayaan kerana media ini membolehkan orang ramai menyedari kawan dan kenalan mereka dengan melihat presentasi diri mereka di profil (Siti Ezaleila, 2016). Sebab berlakunya aktiviti persahabatan adalah pelbagai, ada yang hanya bersahabat dengan kawan rapat manakala yang lain melibatkan juga kenalan. Senarai sahabat yang dimiliki menggambarkan diri seseorang dan menjadi penarik untuk mendapatkan sahabat yang ramai dan menunjukkan popularitinya (Siti Ezaleila, 2016). Penyelidikan berkaitan jaringan sosial sebelum ini oleh Boyd (2006), Horrigan et al (2006), Ellison, Steinfield & Lampe (2007), Lenhart & Madden (2007) mengklasifikasikan ikatan yang terbina sebagai kuat atau lemah, heterogenous atau homogeneous, tetapi kajian semasa menunjukkan hubungan atau ikatan yang kuat dan lemah dapat dikekalkan di laman jaringan sosial (Siti Ezaleila, 2016).

Kesimpulannya, persahabatan dalam talian bermaksud ikatan yang dijaga dalam suatu kumpulan manusia yang lebih besar. Mereka yang menyukai interaksi dengan rakan sekerja secara bersemuka tidak mempunyai masalah melanjutkannya dalam media sosial. Selain itu, media sosial digunakan untuk mengekalkan hubungan sedia ada dan mencipta persahabatan baru dalam talian. Kebanyakan pengguna dalam kalangan remaja menggunakan dan memperuntukkan sejumlah masa harian mereka di laman sosial bagi tujuan persahabatan. Seterusnya persahabatan dalam talian menjadikan teknologi sebagai perantara dalam interaksi mereka sehingga menyebabkan kehidupan dalam talian dan luar talian mereka adalah hampir sama. Jaringan sosial dalam talian ialah mimik atau peniruan dan evolusi kepada jaringan sosial manusia di luar talian atau secara bersemuka. Media sosial boleh meningkatkan kebolehpercayaan kerana media ini membolehkan orang ramai menyedari kawan dan kenalan mereka dengan melihat presentasi diri mereka di profil. Kajian semasa menunjukkan hubungan atau ikatan yang kuat dan lemah dapat dikekalkan di laman jaringan sosial.

#### 4.2 *Adab Bersahabat Di Dalam Media Sosial*

Prinsip adab dalam media sosial boleh dilihat dalam bahagian terakhir ayat 30 Surah al-Haj (Shaikh Mohd Saifuddeen 2015) yang menegah daripada berkata dusta. Tegahan daripada berkata-kata dusta digandingkan dengan larangan menyembah berhala. Ini menunjukkan perbuatan ini amat perlu untuk dijauhi. Komunikasi lewat alam maya amat mudah terjebak dengan pendustaan yang perlu untuk diberikan perhatian, samada daripada melakukan pendustaan ataupun menjadi mangsa pendustaan. Firman Allah SWT:

ذَٰلِكَ وَمَنْ يُعْظِمِ حُرْمَتِ اللَّهِ فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ عِنْدَ رَبِّهِ ۖ وَأَجَلْتُ لَكُمْ الْأَنْعَامَ إِلَّا مَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ ۖ فَاجْتَنِبُوا  
الرَّجْسَ مِنَ الْأَوْثَانِ وَاجْتَنِبُوا قَوْلَ الزُّورِ ۙ ٣٠

Maksud:

*Demikianlah perintah Allah. Dan Barangsiapa mengagungkan apa yang terhormat di sisi Allah, maka itu lebih baik baginya di sisi Tuhannya. Dan dihalalkan bagi kamu semua haiwan ternakan, kecuali yang diterangkan kepadamu keharamannya, maka jauhilah penyembahan berhala-berhala yang najis itu dan jauhilah perkataan dusta.*

(Surah al-Hajj 22:30)

#### 4.2.1 Perkataan Yang Sopan

Penekanan adab dalam media sosial juga boleh diambil daripada Surah al-Hujurat (Shaikh 2015). Antara panduan yang amat relevan kepada pengguna media sosial ialah ayat 11 yang memberi peringatan supaya tidak mencemuh, merendah-rendahkan, menyatakan keaiban dan memanggil-manggil dengan gelaran yang buruk ke atas pihak lain. Ini bermakna bahawa menggunakan perkataan yang sopan merupakan adab yang perlu dijaga apabila berkomunikasi di media sosial.

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّن نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِاللُّغَابِ بِسَاءِ الْأَلْسِمِ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ١١

Maksud:

*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah suatu kaum mengejek-ngejek kaum yang lain, kerana boleh jadi mereka yang diejek-ejekkan lebih baik dan jangan pula perempuan-perempuan mengejek-ejekkan perempuan lain kerana boleh jadi perempuan yang diejek-ejekkan lebih baik. Janganlah kamu saling mencela satu sama lain, dan janganlah saling memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan adalah panggilan yang buruk (fasiq) setelah beriman. Dan barangsiapa tidak bertaubat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.*

(Surah al-Hujurat 49:11)

#### 4.2.2 Berbaik sangka

Kesemua panduan daripada al-Quran ini sebenarnya wajar diterapkan dalam sanubari setiap pengguna media sosial. Kita tidak wajar menyalahgunakan teknologi yang ada ini dengan menyebarkan perkara-perkara palsu, tidak sah dan tidak tepat, apa lagi jika ia berupa fitnah dan membuka aib orang lain. Hal ini penting supaya penggunaan media sosial dapat memberikan ganjaran pahala dan bukannya balasan dosa kepada kita. Ayat 6 surah al-Hujurat memerintahkan supaya kita menyelidik dahulu berita yang diterima. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصِبُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ تَلْمِيزِينَ ٦

Maksud:

*Wahai orang-orang yang beriman! Jika seseorang yang fasiq datang kepadamu membawa suatu berita maka selidikilah kebenarannya agar kamu tidak mencelakakan suatu kaum kerana kebodohnya, yang akhirnya kamu menyesali perbuatanmu itu.*

(Surah al-Hujurat 49:6)

Manakala ayat 12 Surah al-Hujurat pula menekankan supaya kita tidak bersangka buruk, mengintip, mencari kesalahan orang lain dan mengumpat. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ١٢

Maksud:

*Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah banyak dari prasangka, sesungguhnya prasangka itu dosa dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain, dan janganlah di antara kamu yang mengumpat sebahagian yang lain. Apakah ada di antara kamu yang suka memakan daging saudaranya yang sudah mati? Tentu kamu merasa jijik. Dan bertaqwalah kepada Allah, sungguh Allah Maha Penerima taubat, Maha Penyayang.*

(Surah al-Hujurat 49:12)

Berdasarkan panduan daripada al-Quran ini maka jelaslah di sini bahawa adab-adab di media sosial kepada sahabat dan sebagainya amat penting untuk dijaga oleh semua pengguna sosial supaya tidak berlaku penyalahgunaan media sosial yang boleh mendatangkan keburukan kepada diri sendiri dan orang lain (Shaikh, 2015).

#### 4.2.3 Batas Pergaulan

Menurut Anon (2018), dalam keghairahan kita menggunakan media sosial itu namun batas pergaulan tetap perlu dijaga. Ikhtilat atau perbualan serta komunikasi dengan yang bukan muhrim secara secara tanpa keperluan dan melampau perlu dihindari bagi mengelakkan mudharat di kemudian hari. Walaupun terselindung daripada pandangan manusia, namun Allah SWT tetap memerhatikan hamba-Nya. Pemerhatian Allah terhadap para hambaNya ini ibarat kamera litar tertutup yang sentiasa berada di mana-mana dan akan berfungsi setiap saat dan setiap ketika. Bahkan satu makhluk pun tidak akan terlepas daripada pemerhatiannya. Firman Allah SWT dalam surah al-Hadid ayat 4:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ ۗ يَعْلَمُ مَا يَلِجُ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا ۗ وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنْتُمْ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ٤

Maksud:

*Dialah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, kemudian dia bersemayam di atas arasy. Dia mengetahui apa yang masuk ke dalam bumi dan apa yang keluar dari dalamnya, apa yang turun dari langit dan apa yang naik ke sana. Dan dia Bersama kamu dimana saja kamu berada. Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan.*

(Surah al-Hadid 57:4)

#### 4.2.4 Menjaga Keaiban

Perbuatan mendedahkan keaiban, samada keaiban diri sendiri mahupun orang lain adalah ditegah dalam Islam. Anon (2018) mengatakan ada dikalangan segelintir daripada kita yang terikut-ikut dengan trend masa kini yang secara tidak langsung suka membuka aib sahabat atau orang lain apabila menulis atau berkongsi sesuatu artikel. Lebih parah lagi apabila aib sahabat kita juga dijaja atau dibuka kepada umum dengan cara yang tidak kita sedari. Menurut Mufti Wilayah Persekutuan (2016), perbuatan menyebarkan aib orang lain termasuk dalam *sunnah sayyiah* yang berdosa jika diteruskan oleh orang lain. Dalam sebuah hadis daripada Jarir bin Abdullah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً، فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ، كُتِبَ لَهُ مِثْلُ أَجْرٍ مَنْ عَمِلَ بِهَا، وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَجُورِهِمْ شَيْءٌ، وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً، فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ، كُتِبَ عَلَيْهِ مِثْلُ وَزْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا، وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ

Maksudnya:

*Barangsiapa yang memulakan suatu perbuatan dalam Islam suatu sunnah yang baik, lalu diamalkan orang selepasnya, dituliskan bagi pemulanya pahala orang yang beramal dengannya, dan tidak akan berkurang daripada pahala mereka suatu pun, dan barangsiapa yang memulakan dalam Islam suatu sunnah yang buruk, lalu diamalkan orang selepasnya, dituliskan baginya dosa sesiapa yang beramal dengannya, tanpa berkurang dengan satu dosa suatu apa pun.*

[Hadis riwayat Muslim: 1017 dalam Sahih-nya]

### 4.3 Penggunaan Media Sosial dan Hubungan Persahabatan - Impak Positif

#### 4.3.1 Kesalingterhubungan

Rahmat (2017), berpendapat ciri-ciri utama media sosial adalah sebagai kesalingterhubungan. Hal ini dibuktikan lagi dengan kenyataan daripada Khairuddin (2014), yang mengatakan antara kesan positif penggunaan media sosial terhadap hubungan persahabatan ialah memudahkan sesuatu perhubungan terbentuk kerana masa untuk berinteraksi di media sosial lebih fleksibel, kos yang murah dan mampu mendapat jawapan dengan kadar yang segera. Dengan ini hubungan yang telah tersedia terjalin mampu untuk dibentuk dan dikekalkan.

Antara kebaikan yang boleh didapati daripada media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter* menurut Nadia (2017), adalah ia boleh dijadikan sebagai medium untuk mencari rakan lama yang terpisah dan kembali berhubung semula dengan mereka serta mengikat ukhuwah sesama insan. Justeru itu, *platform* media sosial menjadi satu medan kesalingterhubungan untuk menemukan sahabat yang sudah lama tidak bertemu, menjadikan hubungan persahabatan lebih mudah terbentuk dan mengekalkan hubungan persahabatan yang telah lama terjalin.



#### 4.3.2 Mengatasi Masalah Kesunyian

Melalui media sosial, walaupun secara fizikal seseorang itu bersendirian, namun secara maya interaksinya dengan masyarakat tetap dapat dijalankan. Ini dapat menangani isu kesunyian sekaligus mengelakkan kemurungan daripada berlaku. Keadaan ini membolehkan setiap orang mampu berinteraksi dengan orang yang lain dalam jangka masa yang panjang dan sekali gus mampu menghilangkan rasa kesunyian dalam diri. Menurut satu kajian yang dijalankan oleh Lenhart, Ling, Campbell dan Purcell (2010), remaja menghantar atau menerima sekurang-kurangnya 11 mesej berbentuk teks setiap hari, manakala kira-kira satu perlima daripada mereka menulis mesej 21 kali sehari atau lebih. Kekerapan mereka menghantar mesej dilihat sebagai salah satu gaya komunikasi remaja dengan rakan-rakannya (Nurhamizah & Asbah, 2019).

#### 4.3.3 Mengelakkan Tekanan Perasaan

Selain itu, Khairuddin (2014), mengatakan antara kesan positif penggunaan media sosial ialah dapat mengurangkan masalah tekanan kerana apabila kita menceritakan masalah kita di media sosial, pasti akan ada rakan-rakan yang memberi nasihat dan pandangan. Kajian yang dijalankan oleh Ali & Minanda (2017) berkaitan responden yang lebih menyukai persahabatan dalam talian ialah kerana lebih mudah dijaga dan dikekalkan secara berterusan mempunyai nilai min sebesar 4.65 dengan nilai sisihan piawainya sebesar 0.673. Responden yang cenderung menyukai persahabatan dalam talian kerana rakan *Facebook* selalu memberi maklumat-maklumat semasa dan penting yang diperlukan mempunyai nilai min sebesar 4.59 dengan sisihan piawainya 0.683. Seterusnya, kecenderungan responden percaya bahawa *Facebook* telah menambah baik kehidupan sosial mereka juga berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.58 dengan nilai sisihan piawainya 0.594. Kecenderungan lain seperti menyukai persahabatan dalam talian kerana rakan *Facebook* selalu memberi perhatian dan kasih sayang persahabatan mempunyai nilai yang tinggi iaitu 4.58 dengan sisihan piawai 0.680. Hal ini bermaksud responden cenderung suka dengan persahabatan dalam talian disebabkan mereka dapat perhatian lebih seperti mengucapkan hari jadi, mengucapkan selamat pagi dan sebagainya.

Maka jelaslah di sini bahawa penggunaan media sosial mampu memberi kesan positif untuk mententeramkan seseorang yang menghadapi masalah tekanan dengan berbual, bertukar fikiran dan sebagainya. Terakhir sekali, kesan positif penggunaan media sosial terhadap hubungan persahabatan ialah lebih bersikap berfikiran terbuka. Berfikiran terbuka dalam konteks interaksi sosial di laman jaringan sosial adalah sikap bebas berfikir, tidak terkongkong atau merasa bimbang tentang perihal mendedahkan diri mereka sendiri kepada khalayak ramai (Khairuddin, 2014).

#### 4.3.4 Mengeratkan Hubungan Silaturahmi

Nur Hafeeza (2020) mengatakan ramai akan terkejut apabila diberitahu hubungan kita sebenarnya menjadi lebih akrab walaupun berjauhan antara satu sama lain secara fizikal. Ikatan persahabatan menjadi lebih dekat kerana menurut laporan ini, 59 peratus berkongsi bahawa perbualan mereka menerusi saluran digital berbentuk lebih mendalam daripada sekadar tertumpu pada topik cetek.

Mujurlah era digital ini menawarkan kita ruang maya yang membolehkan kita berinteraksi. Tidak kira sama ada menghadiri kelas maya bersama-sama, bermain permainan

video ataupun menikmati konsert maya, adalah penting kita mencari ikhtiar untuk berinteraksi dengan insan tersayang dan terus memelihara hubungan itu, walaupun tidak dapat melakukannya secara bersemuka.

Walaupun pelaksanaan PKP yang tidak menentu mungkin sesuatu yang boleh mematahkan semangat kita, antara iktibar yang dapat kita ambil daripada pengalaman ini ialah hubungan sebenar melangkaui batas fizikal. Perasaan terasing dan sepi sekiranya tidak diambil tindakan segera serta kaedah yang betul, boleh membawa kepada masalah lebih besar khususnya tekanan mental dan hubungan tidak harmoni dalam keluarga. Justeru, persahabatan boleh terus dipupuk menerusi komunikasi telus yang terbina daripada ciri-ciri keakraban, sekali gus mewujudkan kepercayaan yang tinggi. Sesungguhnya, rakan menjadi teras dalam 'sistem sokongan' kita, terutama dalam tempoh kita berasa terasing dan sepi.

Luqman et al. (2019) menyatakan antara dampak positif media sosial terhadap masyarakat dan negara ialah mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain. Antara aplikasi yang boleh digunakan untuk membuat perhubungan secara talian adalah seperti *whatsapp*, *facebook*, *instagram*, dan *skype*. Aplikasi-aplikasi sebeginilah mampu untuk mencari dan mengekalkan hubungan kenalan yang lama serta memudahkan urusan bertanya khabar walaupun tanpa bertemu.

#### **4.4 Penggunaan Media Sosial dan Hubungan Persahabatan - Impak Negatif**

##### *4.4.1 Rasa Tidak Puas Hati*

Menurut hasil kajian Siti Ezaleila (2016), melalui media sosial ini, lebih satu per dua responden pernah memutuskan persahabatan yang terjalin dengan membuang sahabat daripada senarai sahabat mereka dengan pelbagai sebab. Majoritinya (hampir 65 peratus) disebabkan oleh sikap sahabat yang tidak memuaskan hati atau menjengkelkan seperti bergaduh, berlaku perselisihan faham, menggunakan bahasa yang tidak sopan, mempunyai pengaruh buruk, dan adanya gangguan seksual. Sebab lain ialah terlalu mempromosikan produk Multilevel Marketing (MLM), kurang aktif berkomunikasi, tidak dikenali langsung, dan lain-lain termasuklah tersilap menerima sahabat, akaun telah melebihi jumlah yang dihadkan, dan sebab peribadi (atau rahsia). Namun, ada juga yang tidak memberikan sebab mengapa mereka berbuat demikian.

Berdasarkan daripada majoriti peratusan responden tersebut, jelaslah bahawa kesan tidak beradab dengan sahabat di media sosial memberi kesan negatif terhadap hubungan persahabatan yang terjalin meskipun sudah sekian lama berkawan. Oleh itu, adab-adab dalam persahabatan amat penting untuk dijaga agar hubungan yang sedia terjalin tidak terputus begitu sahaja.

##### *4.4.2 Terdedah kepada Bahaya*

Menurut Nadia (2017) yang mengambil kajian yang terdapat di dalam akhbar The Star Online yang bertajuk "*On the alert for cyberbullying*" bertarikh 11 April 2017 pihak CyberSecurity Malaysia menyatakan bahawa kes pembulian siber di kalangan pelajar sekolah adalah tinggi dan lebih serius. Ini kerana, statistik menunjukkan bahawa pada tahun 2012, sebanyak 250 kes dicatatkan pada tahun 2012, 389 kes pada tahun 2013, 291 kes pada tahun 2014, 256 kes pada tahun 2015 dan 338 kes pada tahun 2016. Jumlah kes pembulian siber yang melibatkan pelajar sekolah adalah sebanyak 1,524 kes semenjak lima tahun yang lepas. Ini adalah suatu angka yang

sangat mengejutkan dan amat membimbangkan. Kesan pembulian siber terhadap mangsa adalah lebih kepada psikologi mangsa seperti kurang keyakinan diri, menjadi anti sosial dan dalam kes yang lebih ekstrem, mangsa mempunyai kecenderungan untuk membunuh diri.

Aida Sue (2014) berpendapat mempunyai rakan-rakan dalam talian mungkin meletakkan anda dalam keadaan yang berbahaya. Anda boleh berakhir menjadi mangsa gangguan atau kehendak seksual. Oleh itu, anda perlu sedar dan berhati-hati tentang semua kebaikan dan keburukan mempunyai rakan-rakan dalam talian. Jika kamu sudah bertemu dia secara langsung, bukan bererti kamu terlepas dari bahaya rakan dalam talian. Kamu boleh saja bertemu dengan orang yang berniat jahat, mungkin dengan niat ingin merompak, membunuh, memperkosa, atau bahkan bertemu dengan psikopat. Berhati-hati terutama jika kamu adalah seorang wanita, jangan pernah bertemu sendirian dengan orang yang hanya kamu kenal melalui internet. Oleh itu, kita perlu lebih berhati-hati apabila berkawan di media sosial agar emosi dan fizikal kita sentiasa terjaga daripada anasir-anasir yang tidak baik.

#### 4.4.3 *Potensi Kehilangan Kawan*

Menurut Yong (2011), keasyikan melayari internet di Malaysia yang menyebabkan sindrom ketagihan wajar dikaji secara terperinci dalam bidang psikologi patologi, iaitu kajian berkaitan dengan kesihatan mental. Hal ini demikian kerana beliau mendapati wujudnya dari masa ke masa peningkatan penggunaan internet secara berlebihan yang mengundang gejala kemurungan dan mengakibatkan masalah dalam perhubungan sosial. Impak daripada peningkatan melayari internet secara melampau, kesejahteraan subjektif golongan remaja turut terjejas kerana ramai remaja yang kelihatan aktif dalam dunia siber tetapi dalam dunia realiti remaja tersebut adalah pendiam (Naquiah et al. 2017).

Sementara itu, berdasarkan pernyataan Fauziah Hanim (2013), antara keburukan teknologi maklumat terhadap kanak-kanak dan remaja ialah menghalang kecergasan interpersonal, iaitu hubungan sesama manusia dan menyebabkan kurangnya komunikasi dengan orang di sekeliling. Keasyikan kepada melayari internet, menonton televisyen, menggunakan *gadget* dan pelbagai sumber teknologi moden yang lain menyebabkan kanak-kanak dan remaja kurang berinteraksi dengan orang lain dan bersikap 'introvert'. Kajian tentang masalah sindrom ketagihan internet ini disokong oleh kajian Johari dan Raja Shahrina (2012) yang mendapati tahap penggunaan internet remaja semakin tinggi dari masa ke masa berbanding kajian-kajian yang telah dijalankan sebelumnya. Dapatan kajian mereka mencatatkan peningkatan daripada hanya dua pelajar daripada 149 sampel yang dikesan menghadapi ketagihan internet pada tahun 2010 meningkat kepada 20 orang pada tahun 2012 (Naquiah et al. 2017).

Small dan Vorgan (2008) pula menyatakan bahawa anak-anak yang menghabiskan terlalu banyak waktu dengan teknologi akan mengurangi interaksi dan mengganggu keterampilan komunikasi. Ini adalah kerana kanak-kanak dan remaja menghabiskan masa menggunakan peralatan teknologi moden hanya secara bersendirian tanpa penglibatan individu lain bersama mereka. Natiujahnya, komunikasi dan aktiviti interaksi sosial mereka dengan orang sekeliling menjadi sangat terbatas, sedangkan kemahiran komunikasi pada usia kanak-kanak sangat penting bagi membangunkan kemahiran sosial mereka seperti memerhati, mendengar, dan berbual dengan orang lain. Terlalu asyik dengan rakan-rakan dalam talian, boleh sahaja membuatkan

terputus hubungan dengan rakan di alam nyata (Aida Sue 2014). Masalah perkembangan sosial kanak-kanak dan remaja tidak hanya terbatas kepada interaksi mereka dengan rakan sebaya, malah pengaruh teknologi moden juga turut memberi impak yang negatif terhadap komunikasi dan hubungan sosial mereka dengan ibu bapa (Naquiah et al. 2017).

#### 4.4.4 *Isu Kepercayaan*

Agak sukar untuk mempercayai rakan yang anda kenal di dalam talian. Aida Sue (2014) menyatakan membina persahabatan secara *online* adalah perkara biasa, tetapi persahabatan yang sebenar berkait rapat dengan kepercayaan terhadap seseorang. Amanah adalah faktor yang paling penting dalam mana-mana hubungan. Menurut Danang Setyo Budi Baskoro (2018) terdapat sisi negatif terhadap remaja yang bergantung pada gadget ialah mereka mengalami hambatan dan kekok ketika melakukan interaksi sosial dan komunikasi secara berhadapan. Interaksi dan komunikasi bertatap muka di alam nyata diganti dengan penggunaan ikon atau 'emoticon' atau simbol apabila berinteraksi di alam maya. Ini memudahkan berlakunya ketidakjujuran sosial, yang dapat memusnahkan nilai persahabatan itu sendiri. Boleh jadi simbol yang ditunjukkan dalam persahabatan sifatnya dusta yang tidak bersesuaian pula dengan apa yang benar-benar terlihat bila dilakukan secara langsung.

#### 4.4.5 *Harapan palsu*

Aida Sue (2014) membangkit soal kebolehppercayaan terhadap persahabatan dalam talian di media sosial. Apabila berada dalam kesusahan, seseorang itu pasti mengharapkan bantuan dan dokongan daripada sahabatnya. Namun, harapan terhadap sahabat dalam talian masih belum dapat dipastikan, samada mereka akan kekal bersama atau sebaliknya membiarkan sahaja. Rose (2002) menyebutkan bahawa kualiti persahabatan terbaik terlihat dari dukungan dan cara remaja mengungkapkan dirinya pada temannya jika mereka dihadapkan pada masalah. Istilah remaja adalah teman sebagai tempat curahan hati agar dapat terus menerus menjalinkan tali persahabatan, remaja generasi milenial perlu untuk tetap mempertahankan nilai-nilai seperti kepercayaan dan penerimaan (Aida Sue, 2014).

Bagi remaja saat ini, tidak mudah membina dan mempertahankan hubungan persahabatan. Perbezaan pendapat dalam persahabatan merupakan hal yang wajar dan ini tentu akan terlihat kualiti dari persahabatan mereka. Apabila bersahabat secara atas talian, berkemungkinan rakan kita tidak dapat menjadi tempat untuk kita mencari sokongan untuk menyelesaikan masalah atau mencurahkan rasa hati. Hal ini kerana, sudah pasti mereka mempunyai komitmen lain seperti komitmen untuk keluarga dan sebagainya. Oleh itu sesi luahan perasaan kepada sahabat secara atas talian itu boleh jadi tidak dapat diberikan tumpuan sepenuhnya.

#### 4.4.6 *Keraguan*

Menurut Aida Sue (2014), perhubungan dalam talian masih mengandungi keraguan yang tebal dari sudut niat dalaman seseorang itu dalam persahabatan. Terlalu cepat mempercayai atau terus dalam prasangka, adalah dilema dalam persahabatan di media sosial. Mungkin dia seorang kawan yang baik, tetapi anda tidak boleh terlalu yakin dan terus mempercayainya. Mungkin dia

ada niat yang salah, tambah lagi jika anda tidak pernah berjumpa dengannya. Kini terdapat banyak kisah penipuan di internet terutamanya penipuan wang. Terdapat warga asing yang menyamar untuk menipu wang anda, jadi anda harus berjaga-jaga. Sehingga kini, warga asing ada yang mendalangi jenayah siber bukan sahaja licik menjerat wanita dan lelaki kesunyian dengan cinta, tetapi mereka juga bijak mempengaruhi golongan hartawan sehingga sanggup menyerahkan wang yang banyak kepada mereka apabila dipelawa menjadi rakan kongsi dalam perniagaan. Walaupun hanya berbual melalui laman sosial di Internet dan tidak pernah bersua muka, mangsa terdiri daripada ahli perniagaan atau golongan korporat dengan mudah diperdayakan sindiket 'Awang Hitam' itu yang bijak bermain kata-kata dan memalsukan dokumen-dokumen penting.

Oleh itu, pemilihan sahabat di media sosial perlulah dilakukan secara berhati-hati kerana kita sendiri tidak boleh meneka niat sebenar hati mereka. Selain itu, waspada ini amat penting agar perkara-perkara sebegini dapat dielakkan daripada berlaku. Sebaiknya berkawanlah dengan orang yang kita sudah kenali kerana ianya lebih selamat dan lebih terjamin. Jika ingin juga menambah kenalan baharu, pastikan dulu kita memeriksa maklumat dirinya sebelum menerima dia sebagai rakan kita di mana-mana *platform* media sosial.

## 5. Rumusan Dan Cadangan

Kajian ini menyimpulkan bahawa secara umumnya persahabatan ialah satu bentuk pergaulan, kebersamaan, pendampingan dan saling memberi komitmen antara satu sama lain, sama ada melalui fizikal atau sebagainya. Persahabatan di dalam talian ialah suatu ikatan yang lebih mudah untuk dijaga dalam suatu kumpulan manusia yang lebih besar. Kepentingan menjaga adab-adab seperti menggunakan perkataan yang sopan, bersangka baik, menjaga batas pergaulan dan menjaga aib rakan semasa menjalin hubungan persahabatan di laman sosial amatlah penting untuk diterapkan dalam diri setiap insan yang bergelar sahabat.

Selain itu, kesan persahabatan di media sosial dari sudut positif dan negatif juga dikenal pasti. Antara kesan positif bersahabat di media sosial ialah dapat mengatasi rasa kesunyian, mengelakkan berlakunya tekanan perasaan dan memudahkan sesuatu perhubungan terbentuk dan mengeratkan hubungan silaturrahim. Manakala kesan negatifnya pula seperti menimbulkan rasa tidak puas hati kerana berlakunya berlaku perselisihan faham dan sebagainya, berada di dalam keadaan yang berbahaya, berpotensi kehilangan kawan sebenar dan sebagainya.

Justeru itu, menjadi suatu kemestian kepada kita untuk menerapkan nilai-nilai baik dalam diri untuk memastikan hubungan persahabatan yang terjalin setelah sekian lama tidak terputus begitu sahaja dan persahabatan baru dapat dimulakan dengan penuh berkhemah dengan adab dan sopannya kita sebagai seorang sahabat. Oleh itu, terdapat cadangan dalam menghasilkan kajian lain yang mengkhususkan pada kaedah-kaedah menerapkan adab-adab persahabatan dalam talian kepada semua lapisan masyarakat. Kajian ini boleh diusahakan oleh pihak universiti bagi membantu masyarakat membaiki diri dalam menjalin hubungan persahabatan di dalam talian serta mengaplikasikan kaedah-kaedah tersebut dalam kehidupan seharian.

## Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. (2019). *Kaedah Penyelidikan Sosial Daripada Perspektif Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit FPI UKM.

Ali Salman & Siti Minanda Pulungan. (2017). Pendedahan Diri, Motivasi dan Kepuasan Penggunaan Facebook dalam Menjalinkan Persahabatan. *Jurnal Komunikasi*. 33 (1): 438-459. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azmin Yusof & Muhammad Ismail Abdullah. (2017). Adab Unggul Islam Dalam Persahabatan Antara Insan. Fakulti Syariah dan Undang-Undang. Kolej Universiti Islam Antarabangsa. Selangor.

Azizan Bahari. (1998). *Modenisasi: Implikasi dan Cabaran Kepada Belia*. Serdang. Universiti Putra Malaysia.

Aida Sue. (2014). *5 Fakta Penting Dalam Menjalinkan Persahabatan Di Internet*. Retrieved Mei 22, 2021, from <https://wanista.com/2014/27888/5-fakta-penting-dalam-menjalinkan-persahabatan-di-internet/>.

Classified RyanST. (2020). Kewujudan Media Sosial Memberikan Implikasi Positif Dan Negatif Terhadap Interaksi Sosial Dalam Kalangan Masyarakat.

Danang Setyo Budi Baskoro. (2018). *Persahabatan Generasi Milenial*. Retrieved Mei 22, 2021, from <https://www.uc.ac.id/library/persahabatan-generasi-milenial/>.

Fauziah Hanim Jalal. (2013). Kesan ICT terhadap kesejahteraan kanak-kanak. Ceramah Keibubapaan, 29 November 2013. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Idris Awang. (2009). *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*. Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd.

Shaikh Mohd Saifuddeen. (2015). *Adab di Media Sosial*. Institut Kefahaman Islam Malaysia. Retrieved Januari 17, 2021, from <http://www.ikim.gov.my/index.php/2015/12/16/adab-di-media-sosial/>.

Sheikh Osman Sheikh Salim. (1992). *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 1238.

Syuhudi Ismail. (1995). *Kaedah Kesahihan Sanad Hadis Telaah Kritis dan Tinjauan dengan Pendekatan Ilmu Sejarah*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

Anon. (2018). Khutbah Jumaat: Adab Di Dalam Media Sosial. Jabatan Agama Islam Selangor.

Luqman Hakeem, Frank Wilkins, Pragathesh Batumalai, Kamarul Azmi Jasmi (2019). Media Sosial dan Dampak Positif Menurut Islam. Akedemi Tamadun Islam. Fakulti Sains Dan Kemanusiaan. Universiti Teknologi Malaysia.

- Mawar Safei. (2019). *Falsafah Persahabatan Dalam Cerpen*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Penerbit Dewan Siswa DBP.
- Mohd Khairuddin Mohad Sallehuddin & Mohamad Fauzi Sukimi. (2014). Interaksi di Ruang Maya: Kajian Kes Jaringan Sosial Melalui Laman Facebook di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*. 6: 138-147. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Naquiah Nahar, Sahrnizam Sangi Dharsigah A/P Baniear Salvam, Nurhidayu Rosli, Abdul Hafiz Abdullah. (2017). Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 5 (1): 87-99. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nur Hafeeza Ahmad Pazil. (2020). *Pupuk Persahabatan Guna Komunikasi Digital*. Retrieved Mei 22, 2021, from <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/12/762060/pupuk-persahabatan-guna-komunikasi-digital>.
- Nadia Fauzi. (2017). Penggunaan Media Sosial Dalam Dunia Tanpa Sempadan: Suatu Kebaikan Atau Keburukan. Ketua Penolong Pengarah. Program Litigasi. Ilkap.
- Nurhamizah Hashim. Asbah Razali. (2019). Teknologi dan Media Sosial dalam Komunikasi Ibu Bapa dan Anak-Anak. *Jurnal Komunikasi*. 35 (4): 337-352. Universiti Malaya.
- Rahmat Ayyub. (2017). Interaksi Sosial Dalam Dunia Maya. Ilmu Komunikasi. Fakultas Dakwah Dan Komunikasi. Uin Alauddin Makassar.
- Siti Ezaleila Mustafa. (2016). Penggunaan Laman Sosial dan Impaknya Terhadap Hubungan Persahabatan Dalam Talian. *Jurnal Komunikasi*. 32 (2): 65-81.
- Umar Mukhtar Mohd Noor. (2016). *Peliharalah Aib Saudaramu*. Retrieved Jun 4, 2021, from <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1384-al-kafi-248-peliharalah-aib-saudaramu>.